

Kesesuaian Taksonomi Bloom dengan Bidang Hafazan al-Quran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan KSSM Pendidikan Islam

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 40-57
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 20 February 2023
Accepted: 19 March 2023
Published: 11 April 2023

[The Suitability of Bloom's Taxonomy with the Area of al-Quran Memorization in the Curriculum and Assessment Standard Document KSSM of Islamic Education]

Azwani Masuwai¹, Ab Halim Tamuri^{1*}, Ahmad Munawar Ismail²
& Nur Hanani Hussin³

1 Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

2 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

3 Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, 63000 Cyberjaya, Selangor, MALAYSIA.

e-mail: azwanimasuwai@yahoo.com; abhalim@ukm.edu.my; munawar@ukm.edu.my; nurhanani.hussin@gmail.com

* Corresponding Author: abhalim@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti akan kesesuaian aras berfikir yang dibawa oleh Bloom dalam bidang hafazan al-Quran dengan melihat Dokumen Standard Kurikulum dan (DSKP). DSKP merupakan dokumen penting yang menjadi rujukan guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang ditetapkan bagi mencapai tahap penguasaan yang tertentu. Berdasarkan analisis dokumen yang dijalankan, hafazan al-Quran yang melibatkan aras berfikir 'memahami' dan 'mengingat' berada pada aras Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR). Hakikatnya, hafazan yang melibatkan kaedah pembelajaran yang tersusun turut berada pada beberapa tahap pemikiran yang lain yang ada dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Justeru, kajian ini cuba mengupas kemahiran-kemahiran dalam aktiviti hafazan dan menganalisis DSKP sedia ada bagi mengesan apakah tahap pemikiran yang terlibat dengannya bagi melihat kesesuaian dan ketepatannya bagi satu-satu standard yang ditentukan. Implikasi daripada kajian ini, dapat dikesan wujudnya percanggahan di antara aras berfikir oleh Bloom dengan kemahiran hafazan yang ada dalam bidang Pendidikan Islam.

Kata kunci: Taksonomi Bloom, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Hafazan al-Quran, Dokumen Standard Kurikulum.

Abstract

This study was conducted to identify the appropriateness of the level of thinking brought by Bloom's Taxonomy in the field of memorizing the Quran by looking at the Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP). DSKP is an important document that becomes a reference for teachers in delivering teaching and learning based on Content Standards and Learning Standards set to achieve a certain level of mastery. Based on the analysis of the documents carried out, memorizing the Qur'an which involves the thinking levels of 'understanding' and 'remembering' is at the level of Lower Order Thinking Skills (LOTS). In fact, memorization that involves structured learning methods is also at several other levels of thinking that are included in Higher Order Thinking Skills (HOTS). Thus, this study tries to examine the skills involved in memorization activities and analyze the existing DSKP to detect what is the level of thinking involved to see its suitability and accuracy for a given standard.

The implications of this study can be traced to the existence of a contradiction between Bloom's level of thinking and memorization skills in the field of Islamic Education.

Keywords: Bloom's Taxonomy, Higher Order Thinking Skills, Al-Quran Memorization, Curriculum and Assessment Standard Document.

Cite This Article:

Azwani Masuwai, Ab Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail & Nur Hanani Hussin. (2023). Kesesuaian Taksonomi Bloom dengan Bidang Hafazan al-Quran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan KSSM Pendidikan Islam [The Suitability of Bloom's Taxonomy with the Area of al-Quran Memorization in the Curriculum and Assessment Standard Document KSSM of Islamic Education]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 40-57.

Pengenalan

Pendidikan Islam di bawah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan mata pelajaran yang terbahagi kepada tujuh bidang utama iaitu Tilawah al-Quran, Hadis, Akidah, Akhlak Islamiah, Fiqah dan Sirah dan Tamadun Islam. Bidang-bidang ilmu Islam ini mempunyai objektif dan kandungan yang tersendiri yang memerlukan kepada kaedah pengajaran yang berbeza dan tersendiri antara satu sama lain (Samak, 1980). Pendidikan Akidah umpamanya, lebih memberikan penumpuan kepada dalil *naqliyyah* dan *'aqliyyah* untuk pemantapan akidah sehingga dapat menghilangkan keraguan (Kasim, 2011). Penggunaan bahasa, contoh dan bukti yang mudah difahami, idea yang bernas dan penggunaan ayat al-Quran yang berkaitan dengan tajuk juga amat diperlukan dalam pengajaran Akidah (Tamuri et al., 2004; al-Zendani, 2008).

Begitu juga dengan pengajaran Fiqah, ilmu untuk beribadat kepada Allah S.W.T yang melibatkan dengan ibadat am dan ibadat khusus serta konsep fardu 'ain dan fardu kifayah diberi penekanan yang utama (Jasmi & Tamuri, 2012). Pengajaran Tilawah al-Quran pula mempunyai objektif dari segi tilawah, hafazan, kemahiran dan kefahaman al-Quran yang memerlukan kepada kaedah pengajaran yang tertentu mengikut setiap objektif yang berikut. Contohnya dalam hafazan al-Quran, antara kaedah yang digunakan ialah *talaqqi* dan *musyafahah* (Ahmad, 2000; Noh, 2011) manakala kaedah penerangan dan penceritaan untuk kefahaman al-Quran dalam bab Sirah dan Akhlak (Jasmi & Tamuri, 2007).

Memfokuskan kepada bidang hafazan al-Quran, DSKP KSSM bidang al-Quran melibatkan beberapa surah tertentu yang ditetapkan mengikut setiap tingkatan melibatkan kemahiran membaca dan menghafaz oleh murid. Pembahagian surah-surah hafazan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Surah dan Ayat Hafazan Bidang al-Quran dalam DSKP KSSM

Tingkatan	Surah	Ayat
1	Al-Baqarah	1 - 5
	Al-Baqarah	201
	Al-Baqarah	255 - 257
	Al-Baqarah	284 - 286
	Al-Fatihah	1 - 7

2	Ali Imran	8
	Ali Imran	18
	Ali Imran	26 - 27
3	Al-A'raf	23
	Al-Kahfi	26 - 27
4	Al-An'am	162 - 163
	Al-Kahfi	101 - 110
5	At-Taubah	128 - 129
	Al-Hasyr	21 - 24
	Al-Mukminun	1 - 11

Berdasarkan Jadual 1 dapat dilihat bahawa kemahiran hafazan adalah melibatkan setiap tingkatan dengan beberapa potongan ayat mengikut surah yang tertentu. Setiap tingkatan akan mempunyai Standard Pembelajaran (SP) yang sama bagi bidang al-Quran (Hafazan) ini dan hanya berbeza pada Standard Kandungan (SK) sahaja. Manakala Standard Prestasi juga mempunyai persamaan bagi setiap Standard Kandungan bagi setiap tingkatan.

Penyataan Masalah

Berdasarkan tahap pemikiran sedia ada, kemahiran 'mengaplikasi', 'menganalisis', 'menilai' dan 'mencipta' adalah diklasifikasikan sebagai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Manakala kemahiran 'memahami' dan 'mengingat' diklasifikasikan sebagai Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014a; Kementerian Pendidikan Malaysia, n.d.; Lembaga Peperiksaan, 2013). Jadual 2 menunjukkan klasifikasi aras bagi tahap-tahap pemikiran.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dan Aras Kemahiran Berfikir

Tahap Pemikiran	Aras
Mengaplikasi	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
Menganalisis	
Menilai	
Mencipta	
Mengingat	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
Memahami	

Merujuk kepada bidang hafazan Pendidikan Islam, aktiviti hafazan boleh dikategorikan dalam kemahiran 'mengingat' di mana menurut Bloom, ianya adalah kemahiran yang kedua selepas 'memahami' iaitu termasuk dalam aras KBAR. Namun apabila kita melihat kepada aktiviti hafazan itu sendiri, ianya memerlukan kaedah pembelajaran tertentu yang perlu dikuasai oleh murid untuk menguasainya. Antara kaedah yang terlibat dalam aktiviti ini ialah *talaqqi* dan *musyafahah*, *tikrar*, kefahaman, *tasmik*, *tadarus* dan *kitabah* (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2019). Kesemua kaedah ini mempunyai kepentingannya yang

tertentu yang juga melibatkan tahap pemikiran murid pada aras yang tinggi. Kenyataan ini diakui oleh Abdullah et al. (2020) di mana dapatan kajian mereka menyatakan bahawa kemahiran ‘mengingat’ dalam al-Quran tidak sama seperti mana yang dimaksudkan dalam Taksonomi Bloom.

Melalui aktiviti hafazan juga berlakunya proses pengulangan beberapa kali (*tikrar*) supaya ianya kekal dalam ingatan murid yang mampu menanam benih ketakwaan dan keikhlasan pada diri murid (al-Na’imy 1994; Ibnu Khaldun 2000; Zakaria, 2012; Hardaker & Sabki 2012a, 2012b, 2014). Daripada hafazan asas yang membawa kepada penghayatan ilmu yang dilakukan secara berterusan merupakan pengukuhan dan pemantapan kepada murid untuk mendapatkan ilmu (Ibnu Khaldun, 2000). Hakikat ini menolak tohmahan sarjana barat yang menyatakan bahawa hafazan yang dilakukan oleh umat Islam adalah tidak berdasarkan pemahaman.

Berdasarkan kenyataan tersebut, timbul persoalan tentang di manakah sepatutnya kemahiran menghafaz diletakkan dalam tahap pemikiran? Dan adakah menghafaz boleh dikategorikan sebagai KBAT? Persoalan ini timbul memandangkan proses hafazan al-Quran adalah melibatkan beberapa tahap pemikiran lain yang termasuk dalam KBAT dan memerlukan kaedah khusus untuk mencapai tahap sesuatu hafazan yang baik. Kenyataan ini disokong oleh Masrom et al. (2018) dan Hashim et al. (2013) yang meletakkan menghafaz al-Quran sebagai tahap yang paling tinggi di dalam pendidikan Islam dan kenyataan Abdullah et al. (2020) yang mengiktiraf hafazan al-Quran sebagai sebahagian daripada KBAT.

Konsep KBAT dalam bidang al-Quran yang diketengahkan oleh Abdullah et al. (2020) adalah memfokuskan kepada KBAT dalam Kemahiran Bersepadu Tahfiz (KBT). Justeru, terdapat keperluan untuk melihat jurang yang ada tentang aktiviti hafazan ini dalam DSKP KSSM bagi melihat semula akan kedudukannya dalam taksonomi ilmu sedia ada. Adakah penstrukturan semula susunan aras berfikir diperlukan ataupun timbulnya keperluan untuk mewujudkan taksonomi ilmu khusus bagi mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam bidang hafazan al-Quran ini.

Metodologi

Bagi kajian ini, antara dokumen yang menjadi rujukan ialah DSKP KSSM Tingkatan 1 hingga 5 (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2017) dan Manual Pembudayaan KBAT (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2021). Kedua-dua dokumen ini dianalisis bagi melihat tahap pemikiran KBAT yang diimplementasikan dalam DSKP KSSM dengan memfokuskan kepada bidang al-Quran (Hafazan). Dengan itu, metode analisis dokumen telah dipilih bagi kajian ini memfokuskan kepada kedua-dua dokumen yang tersebut.

Menurut Bell dan Bryman (2007) dan Bryman (2008) antara kelebihan teknik analisis kandungan dokumen adalah membenarkan pengkaji menganalisis nilai dan mengesan ‘apa’ yang boleh diperolehi dalam suatu dokumen dan membenarkan analisis nilai atau corak serta perubahan yang berlaku dalam suatu jangka waktu yang panjang boleh dijalankan. Analisis kandungan dokumen juga adalah metode kajian yang telus kerana skema pengekodan dan prosedur pensampelan boleh ditetapkan dengan jelas yang membolehkan kajian semula dan kajian lanjutan boleh dilakukan pada masa hadapan.

Analisis kandungan dokumen terhadap data sekunder adalah berguna apabila mengkaji suatu isu yang sensitif kerana suatu dokumen itu ditulis tanpa menyedari bahawa analisis kandungan dokumen bakal dilakukan pada masa hadapan. Analisis kandungan dokumen ini adalah metode yang anjal kerana boleh diaplikasi terhadap berbagai jenis dokumen yang tidak berstruktur dan membenarkan suatu maklumat dihasilkan berkaitan dengan kumpulan atau situasi yang sukar untuk dicapai.


Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Dokumen Standard Kurikulum

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) didefinisikan sebagai: “Keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu” (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2013).

Pelaksanaan KBAT ini menuntut peranan dan kerjasama semua pihak untuk memastikan keberkesanan sekolah dinilai dari segi keupayaan kepimpinan menyediakan platform serta ruang dan peluang bagi murid untuk menguasai kemahiran berfikir aras tinggi; menjadi kreatif dan inovatif, berdaya saing sehingga ke peringkat global serta bersedia mengharungi dan mengatasi cabaran dunia masa depan. (KPM, 2013).

Bagi mencapai aspirasi tersebut, penguasaan KBAT dalam kalangan murid diberi fokus apabila elemen KBAT dijemakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan (DSKP) yang menjadi asas kepada pengisian aktiviti PdP dalam bentuk Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam dokumen KSSR dan KSSM (BPK, 2013). KBAT boleh dikenal pasti dan ditulis secara eksplisit dalam SK dan SP melalui pernyataan kata kerja tahap pemikiran dalam Taksonomi Bloom semakan Anderson yang merujuk kepada kemahiran ‘mengaplikasi’, ‘menganalisis’, ‘menilai’ dan ‘mencipta’ (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2014).

KPM mengadaptasi hierarki pemikiran Bloom dalam sistem pendidikan kebangsaan dan diguna pakai sebagai kerangka dalam kurikulum (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014a, 2014b, 2014c, 2017), buku teks dan (Lembaga Peperiksaan, 2014). Hirarki pemikiran Bloom edisi semakan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 (Anderson & Krathwohl, 2001).



Rajah 1: Hirarki Pemikiran Bloom Edisi Semakan Anderson

Tahap Pemikiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 (KPM, 2017).

Jadual 3: Tahap Pemikiran dalam KBAT

Tahap Pemikiran	Penerangan
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubungan kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

Melalui KBAT, murid dihasratkan berupaya untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir. Kemahiran ini dirumuskan berdasarkan Jadual 4.

Jadual 4: Kemahiran Berfikir dalam KBAT

Kemahiran Berfikir	Keterangan
Kritis	Kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.
Kreatif	Kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.
Menaakul	Keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.
Strategi berfikir	Cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta persoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir. Penggunaan kemahiran berfikir yang berikut dalam bidang hafazan al-Quran, bukanlah pada tahap murid dapat memberikan idea atau mencipta sesuatu seperti yang diterangkan. Ianya mempunyai satu set kemahiran berfikir yang berbeza dari yang sedia ada kerana ianya tidak berada dalam satu standard yang sama dalam bidang atau subjek lain.

Dalam hafazan al-Quran, murid tidak memerlukan alat berfikir yang lain mahupun teknik persoalan tertentu untuk merangsang pemikiran murid. Ianya lebih kepada penggunaan kaedah tertentu secara proses dari awal hingga akhir dengan berulang-ulang bagi mencapai Standard Prestasi yang ditentukan. Jelasnya, memang terdapat perbezaan di antara tahap pemikiran KBAT sedia ada dengan tahap pemikiran KBAT yang ada dalam bidang hafazan al-Quran yang sukar untuk disamaratakan.

Domain Kognitif di dalam Taksonomi Bloom

Domain kognitif yang mendominasi pengukuran keseluruhan prestasi murid adalah suatu yang perlu dinilai semula (Moidunny, 2012) kerana kebanyakan model pengajaran hanya memberi tumpuan kepadanya berbanding domain afektif dan psikomotor (Sperber, 2005). Taksonomi Bloom (1956) dan Taksonomi Bloom yang disemak semula oleh Anderson & Krathwohl (2001) masih lagi menunjukkan terdapatnya jurang yang perlu diperhalusi bagi meningkatkan pengukuran yang lebih komprehensif dalam melahirkan modal insan yang holistik.

Kelemahan yang berkaitan dengan kecerdasan intelek yang dibatasi oleh hierarki pengelasan yang tidak konsisten dan jelas menyebabkan berlakunya pertindihan (Gueguen, 2016) dan perbezaan kefahaman dan pentafsiran bagi setiap individu (Dixon et.al, 2015).

Ketetapan standard yang rigid dalam tahap kognitif Bloom menjadi punca utama ianya perlu dikaji semula kerana proses dan hasil pembelajaran tidak berbentuk linear (Sumara & Luce Kapler 2008). Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian Zhaffar et.al (2016) yang menunjukkan perbandingan kemahiran berfikir di antara subjek Pendidikan Islam dan Sains adalah berbeza dari aspek pengukuran mengikut tahap kognitif Bloom.

Tambahan lagi, kedudukan paling bawah aras 'mengingat' dalam Taksonomi Bloom adalah bercanggah dengan kemahiran menghafaz al-Quran yang berada pada tahap yang paling tinggi di dalam pendidikan Islam (Masrom et al., 2018; Hashim et al., 2013). Begitu juga dalam pendidikan akhlak, pengukuran akal semata-mata tidak menggambarkan kejayaan tingkah laku (akhlak) seseorang murid (Ujang & Hussin, 2017). Rumusannya, tingkatan tahap domain kognitif taksonomi Bloom masih tidak kukuh dan tidak boleh diaplikasikan dalam kesemua subjek terutamanya subjek Pendidikan Islam yang memerlukan pengukuran yang lebih komprehensif dalam pembahagian bidang khusus seperti al-Quran, akidah, ibadah, sirah dan akhlak.

Justeru, kesan kelompangan domain kognitif Bloom ini memberikan implikasi yang besar dengan membataskan pemikiran kritikal murid dan tidak berupaya menyepadukan kemahiran berfikir dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Saāban et. al, 2017). Murid juga sukar membezakan soalan aras rendah dan aras tinggi yang dikemukakan, merendahkan gaya pemikiran serta tidak menjamin prestasi murid seperti yang dikehendaki (Mike, 2013). Sehubungan itu, taksonomi Bloom wajar diberi nafas baru bagi mempertingkatkan potensi murid secara menyeluruh dan tidak memfokuskan kepada domain kognitif semata-mata.

Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran

Kaedah dalam pembelajaran tahfiz al-Quran merangkumi *talaqqi* dan *musyafahah*, *tikrar*, kefahaman, *tasmik*, *tadarus* dan *kitabah*. Kaedah ini merupakan siri tindakan yang tersusun dan sistematik bertujuan bagi mencapai objektif pelajaran dengan langkah yang tersusun dalam jangka pendek (JAKIM, 2019). Kaedah-kaedah tersebut diperincikan dalam Jadual 5.

Melalui Jadual 5 ini juga, kaedah pembelajaran tahfiz yang tersebut telah diletakkan aras berfikirnya yang tertentu selaras dengan tujuan kaedah tersebut dijalankan. Setiap kaedah yang dilalui dalam proses hafazan ini telah disusun dengan baik dan mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Daripadanya dapat dilihat bahawa setiap kaedah mempunyai aras berfikir yang tertentu yang melibatkan KBAR dan KBAT dalam masa yang sama.

Jadual 5: Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran

No	Kaedah	Tujuan	Aras Berfikir	Keterangan / Catatan
1	<i>Talaqqi dan Musyafahah</i>	Untuk memastikan bacaan dan hafazan pelajar mengikut hukum tajwid dan tahap kefasihan bahasa al-Quran. Guru akan berperanan	Mengetahui (KBAR)	- <i>Tajwid</i> - <i>Fasohah</i> - <i>Tasmik</i>

		memastikan bacaan pelajar adalah betul dan pelajar perlu mencontohi bacaan guru mereka.		
2	<i>Tikrar</i>	Kaedah yang memerlukan pelajar mengulang-ulang bacaan ayat sehingga pelajar dapat menghafaz dengan baik. Kaedah ini merupakan kaedah utama dalam menghafaz al-Quran.	Mengingati (KBAR)	- <i>Muraja'ah</i>
3	Kefahaman	Memerlukan pelajar memahami ayat dan makna ayat hafazan mereka. Kefahaman ini akan membantu mereka dalam mengingat dan mengukuhkan hafazan.	Memahami (KBAR)	- Pemahaman
4	<i>Tadarus</i>	Kaedah menghafaz dan menyemak hafazan secara berkumpulan sesama pelajar. Proses semakan hafazan antara satu sama lain akan berlaku.	Mengaplikasi (KBAT)	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
5	<i>Kitabah</i>	Merupakan kaedah penulisan ayat al-Quran yang akan menjadi kaedah sokongan kepada pelajar untuk mengingati hafazan mereka.	Mengaplikasi (KBAT)	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara

Daripada kaedah-kaedah pembelajaran hafazan yang berikut, dapat dilihat gabungan pelaksanaan beberapa pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi mencapai objektif hafazan tersebut. Seiring dengan kenyataan Noh (2008) yang menyatakan bahawa gabungan pelbagai bentuk pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan melibatkan strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta meningkatkan pencapaian al-Quran.

JAKIM (2019) mengesyorkan bahawa antara kemahiran yang perlu ada sebelum menghafaz al-Quran ialah kemahiran berkaitan dengan hukum-hakam tajwid, *makhraj* huruf dan *fasahah*. Begitu juga dengan teknik mengulang-ulang ayat (*tikrar*) dan pemahaman diperlukan pula untuk peringkat berikutnya secara berterusan dengan pemantauan guru yang dinamakan *tasmik*. Gabungan kemahiran ini boleh dilihat secara jelas dalam Jadual 6 berikut.

Jadual 6: Kemahiran dan Teknik dalam Hafazan al-Quran

Kemahiran	Teknik
<i>Tajwid</i>	Pemahaman
<i>Makhraj</i>	<i>Muraja'ah</i>
<i>Fasohah</i>	<i>Tadarus</i>
<i>Tasmik</i>	

Kepentingan Pemahaman dalam Hafazan Al-Quran


Kefahaman makna ayat al-Quran merupakan antara kaedah hafazan al-Quran yang penting kerana, al-Quran yang diturunkan dalam Bahasa Arab memerlukan terjemahan bagi memastikan ayat al-Quran yang dihafaz dapat difahami. Ini adalah bertujuan untuk memahami makna ayat dan memudahkan hafazan tersebut. Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2014) menyatakan bahawa, kefahaman makna merujuk kepada kaedah untuk mengetahui kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Para sahabat Rasulullah S.A.W setelah menghafaz beberapa ayat di hadapan Rasulullah S.A.W, mereka akan memahami maksud-maksud ayat yang dihafaz untuk diamalkan (Muhammad, 2015). Kepentingan menghafaz dan memahami al-Quran secara beriringan seperti mana yang dihuraikan oleh JAKIM (2019) untuk Darul Quran dirumuskan dalam Jadual 7 berikut.

Jadual 7: Kepentingan Memahami dan Menghafaz al-Quran

No	Aktiviti Pembelajaran	Kepentingan
1	Menghafaz	Usaha kerja yang dipandang mulia di sisi Islam. Galakan mengingat dan menghafaznya supaya menjadi peringatan, pengajaran dan hidayah dalam jiwa seseorang. Allah SWT menjadikan lafaz-lafaz al-Quran itu mudah untuk dibaca (Ibn Kathir, 2005) supaya mudah untuk dihafaz, dipelajari dan difahami makna-maknanya untuk dilaksanakan tuntutan dan ajarannya. Hafazan merupakan salah satu dari kaedah pembelajaran ilmu khususnya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu syariat yang bersumberkan wahyu.
2	Memahami	Al-Quran menjadi petunjuk atau hidayah dalam kehidupan manusia yang menjadi sumber rujukan utama dalam kehidupan. Untuk mencapai maksud tersebut, ayat-ayat al-Quran perlu dipelajari dan difahami maksudnya agar dapat mengambil iktibar dan pengajaran bagi melaksanakan hukum-hakam yang terkandung di dalamnya.

Situasi yang telah ditunjukkan oleh golongan awal, apabila mereka berinteraksi dengan al-Quran dengan tujuan membaca dan menghafaz senantiasa bersama-sama dengan usaha mereka untuk memahami maksud-maksud ayat yang dibaca dan dihafaz. Keadaan ini menunjukkan bahawa apabila mereka berinteraksi dengan al-Quran untuk membaca dan menghafaz, mereka akan turut berusaha untuk memahami maksud-maksud ayat. Keadaan ini menunjukkan kepada kepentingan memahami ayat-ayat al-Quran dalam diri seorang penghafaz al-Quran (JAKIM, 2020)

Aktiviti menghafaz dan memahami ini jika dilihat pada aras berfikir Bloom adalah berada pada aras berfikir tahap rendah sahaja. Sedangkan dengan pemerhatian yang lebih teliti, aktiviti pemahaman ini adalah melibatkan beberapa peringkat pemahaman yang bermula daripada pemahaman makna dan maksud ayat. Seterusnya kepada pemahaman hukum-hukum yang terkandung di dalamnya. Pemahaman hukum-hukum sebagai rujukan dalam kehidupan dan yang terakhir adalah keperluan daripada pemahaman tersebut menuntut kepada pengamalan hukum tersebut yang merupakan suruhan dan larangan Allah SWT kepada umat manusia sebagai tuntutan ibadah kepada mereka. Rajah 2 merumuskan peringkat pemahaman dalam hafazan al-Quran.



Rajah 2: Peringkat Pemahaman dalam Hafazan al-Quran

Berdasarkan Rajah 2, pemahaman yang melibatkan beberapa peringkat ini memerlukan seseorang untuk menganalisis iaitu mencerakinkan maksud ayat kepada hukum-hukum yang terkandung dalam ayat tersebut untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara maksud dan hukum tersebut supaya dapat dipatuhi. Pematuhan terhadap hukum tersebut pula menuntut seseorang itu untuk mengaplikasi iaitu menggunakan pengetahuan hasil dari pemahaman hukum tadi untuk melaksanakan sesuatu suruhan atau larangan daripada Allah S.W.T yang menjadi ibadah dalam kehidupan manusia.

Pelaksanaan ibadah sebagai pematuhan manusia kepada suruhan dan larangan Allah S.W.T pula dapat dilihat mencapai tahap menilai di mana seseorang itu membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap ayat al-Quran yang dibaca dan dihafaz itu untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Ketiga-tiga proses ini iaitu 'menganalisis', 'mengaplikasi' dan 'menilai' adalah tahap pemikiran yang termasuk dalam aras berfikir tahap tinggi (KBAT). Adapun pelaksanaan ibadah ini merupakan amalan para sahabat Rasulullah S.A.W yang membaca dan menghafaz al-Quran dengan bersungguh-sungguh demi menghayati dan mengaplikasikan seruan Allah S.W.T seperti mana yang dinyatakan dalam Surah Fatir Ayat 29 hingga 30 yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurnia Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang yang bersyukur kepadanya).”

Aras Berfikir dalam DSKP KSSM

Selepas melihat kaedah pembelajaran hafazan al-Quran dan aras berfikir yang terlibat bagi setiap kaedah tersebut, penelitian juga perlu dilihat kepada aras berfikir dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) itu sendiri. Jadual 8 di bawah merupakan salah satu contoh SK dan SP yang dikategorikan mengikut aras berfikir Bloom.

Jadual 8: Contoh Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Bidang al-Quran dalam DSKP

Dokumen Standard Kurikulum dan KSSM Bidang Al-Quran			
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Standard Prestasi	Aras Berfikir
1.18 Membaca dan menghafaz Ayat 23 Surah al-A'raf serta mengamalkannya secara beradab istiqamah	1.18.1 Membaca Ayat 23 Surah al-A'raf dengan betul, lancar serta bertajwid	1. Membaca dan menghafaz Ayat 23 Surah al-A'raf dengan bimbingan	Mengingati (KBAR)
	1.18.2 Menyatakan intisari ayat	2. Membaca dan menghafaz Ayat 23 Surah al-A'raf dengan betul	Mengingati (KBAR)
	1.18.3 Menghafaz Ayat 23 Surah al-A'raf dengan betul, lancar serta bertajwid	3. Membaca dan menghafaz Ayat 23 Surah al-A'raf dengan betul, lancar serta bertajwid	Memahami (KBAR)
	1.18.4 Mengamalkan bacaan Ayat 23 Surah al-A'raf dalam solat dan zikir secara beradab dan istiqamah	4. Membaca dan menghafaz Ayat 23 Surah al-A'raf dengan betul, lancar serta bertajwid dan mengamalkan bacaannya	Mengaplikasi (KBAT)
		5. Membaca dan menghafaz	Mengaplikasi

Ayat 23 Surah al-A'raf	(KBAT)
dengan betul, lancar serta bertajwid dan mengamalkan bacaannya secara beradab	
6. Membaca dan menghafaz Ayat 23 Surah al-A'raf	Mengaplikasi (KBAT)
dengan betul, lancar serta bertajwid dan mengamalkan bacaannya secara beradab dan istiqamah	

Melalui Jadual 8 ini, SK dan SP yang tersebut telah diletakkan aras berfikir yang tertentu selaras dengan Standard Prestasi yang ditafsirkan. Daripadanya dapat dilihat bahawa setiap Standard Prestasi tersebut melibatkan aras berfikir yang tertentu yang turut melibatkan KBAR dan KBAT dalam mencapainya.

Mengambil kira pula perincian setiap Standard Prestasi yang ditetapkan, setiap satu daripadanya memerlukan beberapa kemahiran untuk mencapai tahap tersebut yang menunjukkan ianya bukan suatu penaksiran yang boleh dibuat secara terus. Umpamanya Standard Prestasi yang pertama iaitu “membaca dan menghafaz Ayat 23 Surah al-A'raf dengan bimbingan”. Bagi mencapai tahap ini, murid perlu mempunyai kemahiran *tajwid*, *makhraj* dan *fasahah* bagi membolehkan sesuatu bacaan tersebut betul dan tepat mengikut hukum tajwid dan jelas sebutannya mengikut makhraj huruf tertentu. Murid juga perlu fasih membacakan ayat tersebut supaya ianya lancar untuk ke peringkat seterusnya iaitu hafazan.

Di peringkat hafazan pula, murid perlu berusaha untuk memahami ayat-ayat tersebut supaya jelas maknanya dan mudah untuk menghafaz. Sesuatu hafazan pula perlu dilakukan berulang kali dengan betul dan baik supaya ianya lancar. Tadarus ayat dilakukan bagi mengukuhkan hafazan al-Quran di mana kesemua peringkat ini memerlukan bimbingan guru secara tasmik iaitu murid memperdengarkan bacaan mereka di hadapan guru. Standard Prestasi yang pertama ini perlu melalui proses yang panjang untuk dicapai di mana penilaian dan penaksirannya tidak dapat dilakukan secara terus dengan mudah.

Fungsi Otak dalam Hafazan

Penghafaz al-Quran mempamerkan peningkatan jumlah jirim kelabu (*grey matter*) dalam penyelidikan pengimejan otak (Sapuan et al, 2015). Penghafalan al-Quran juga menggalakkan ketenangan dan meningkatkan kapasiti ingatan seperti yang ditunjukkan oleh amalan menghafaz. Tahap hafazan yang lebih tinggi telah dikaitkan dengan fungsi otak yang lebih baik dan perkembangan ingatan. Beberapa kajian menonjolkan faedah al-Quran terhadap *qari*, pendengar dan penghafaz antaranya membaca Al-Quran menstabilkan gangguan *mood* seperti kebimbangan dan tekanan.

Dapatan kajian Ishak et al. (2020) mengenai kesan hafazan al-Quran menunjukkan bahawa keupayaan intelek kognitif keseluruhan individu dianggarkan menggunakan Kecerdasan Skala Penuh Skor Quotient (FSIQ). Banyak kaedah telah dibangunkan baru-baru

ini untuk membantu dan mempercepat proses menghafaz al-Quran. Tanpa mengira kaedah apa yang digunakan, aktiviti utama kepada mengingat al-Quran adalah pengulangan (*takrir*). Beberapa pusingan membaca, menghafal dan berulang diperlukan sehingga mencapai tahap kefasihan. Kajian beliau juga menilai tentang sejauh mana individu boleh memahami, memproses, dan mentafsir bahan teks.

Berdasarkan dapatan kajian ini, hafazan al-Quran mempunyai nilai yang cukup besar kesan ke atas kedua-dua IQ lisan dan juga IQ persepsi. Sapuan et al. (2015) mendapati bahawa hafazan al-Quran meningkatkan jumlah jirim kelabu dalam bahagian kiri otak. Kebolehan verbal dan linguistik dikawal oleh hemisfera kiri otak yang penting untuk mengingat maklumat berkod linguistik dalam al-Quran kerana menghafaz mesti sentiasa melafazkan ayat-ayat. Fungsi otak dalam hafazan dirumuskan dalam Jadual 9 tersebut.

Jadual 9: Fungsi Otak dalam Hafazan

Keupayaan Intelek Kognitif	Huraian	Aras Berfikir Terlibat
IQ lisan	Mengingati maklumat berkod linguistik dalam al-Quran kerana menghafaz mesti sentiasa melafazkan ayat-ayat secara berulang	Mengingat
IQ persepsi	Memahami, memproses, dan mentafsir bahan teks iaitu memahami data deria dan menggunakannya untuk membangunkan pertimbangan tentang dunia luar dan mengambil tindakan sewajarnya	Memahami Mengaplikasi Menganalisis Menilai

Berdasarkan fungsi otak yang berkenaan, menunjukkan bahawa aktiviti menghafaz memerlukan penggunaan beberapa aras berfikir. Aras ‘mengingat’ perlu dilakukan secara berulang bagi mencapai tahap kefasihan yang dikehendaki yang melibatkan IQ lisan. Manakala aras ‘memahami’, ‘mengaplikasi’, ‘menganalisis’ dan ‘menilai’ yang melibatkan IQ persepsi berjalan beriringan dengan ‘mengingat’ supaya hafazan yang dijalankan lebih mudah dan bermakna.

Membaca dan menghafaz ayat secara betul dan lancar meletakkan murid dalam keadaan ‘menganalisis’ bacaan dan hafazan masing-masing dan ‘menilai’nya dalam masa yang sama untuk mencapai objektif yang diharapkan. Ini menjelaskan bahawa hafazan al-Quran sememangnya melibatkan kedua-dua tahap pemikiran sama ada KBAR dan KBAT sekaligus mengesahkan kajian oleh Masrom et al., (2018) dan Hashim et al. (2013) yang menyatakan bahawa kemahiran menghafaz al-Quran berada pada tahap yang paling tinggi di dalam Pendidikan Islam.

Apa yang penting di sini ialah aktiviti menghafaz ini juga bukan sahaja dinilai dari sudut kognitifnya sahaja iaitu mampu meningkatkan fungsi otak, malah penilaian dari sudut afektif juga dapat dikenal pasti di mana murid akan lebih tenang dan terkawal emosinya dengan

hafazan yang dilakukan. Penilaian seperti inilah yang sukar diwujudkan dalam pendidikan yang mampu melihat prestasi murid secara keseluruhan seperti mana yang dinyatakan oleh Moidunny (2012) dan Sperber (2005) bahawa domain kognitif menguasai pengukuran prestasi murid yang menjadi tumpuan dalam kebanyakan model pengajaran.

Perbincangan

Pengajaran Pendidikan Islam bukan hanya terhenti di dalam bilik darjah tetapi ilmunya diamalkan secara berterusan sepanjang hayat seseorang (Tamuri, 2012). Secara lebih khusus, pengajaran Pendidikan Islam mementingkan kepada kefahaman dan ingatan fakta yang membentuk penghayatan Islam dalam diri murid dan diterjemahkan dalam realiti kehidupan sebenar (Hardaker & Sabki 2012a, 2012b).

Hafazan al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam adalah amat dititikberatkan. Ianya bukan sahaja satu usaha yang dipandang mulia di sisi Islam (JAKIM, 2029) malah ianya adalah asas kepada penghayatan ilmu (Hardaker & Sabki, 2012). Proses hafazan al-Quran inilah yang dilalui oleh golongan awal daripada kalangan sahabat, tabi'in dan atba' al- tabi'in dalam proses menuntut ilmu sehinggakan mereka tidak akan berpindah kepada ayat yang lain untuk dihafaz selagi mana mereka tidak benar-benar faham maksudnya dan belum mengamalkannya (JAKIM, 2019). Terdapat banyak nas-nas al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W yang menyarankan proses hafazan ini bagi menguasai ilmu dalam syariat Islam yang menjadi dasar hukum. Penggabungan ilmu intelektual dan ilmu syariat ini adalah penting kerana kedua-duanya amat diperlukan dan saling berhubung (Al-Ghazali, 2004).

Berdasarkan tahap pemikiran KBAT dalam DSKP yang dihuraikan sebelum ini, bidang hafazan al-Quran yang termasuk di dalamnya aras berfikir 'mengaplikasi' adalah termasuk dalam tahap pemikiran KBAT. Pada tahap ini, murid dikehendaki membaca dan menghafaz ayat al-Quran dengan betul, lancar serta bertajwid dan mengamalkan bacaannya iaitu aktiviti yang melibatkan penggunaan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara, iaitu kelancaran hafazan yang dihasratkan.

Melihat kepada fungsi otak semasa hafazan pula, ianya adalah melibatkan IQ lisan dan IQ persepsi yang merangkumi proses 'mengingat', 'memahami', 'mengaplikasi', 'menganalisis' dan 'menilai' yang mana melibatkan kedua-dua tahap pemikiran dalam KBAR dan KBAT. Ianya jelas menunjukkan bahawa kemahiran menghafaz al-Quran berada pada tahap yang paling tinggi di dalam Pendidikan Islam.

Apa yang dapat disimpulkan di sini, hafazan al-Quran adalah satu aktiviti yang unik dalam pembelajaran ilmu kerana ianya tidak dapat berlaku berasingan dengan pemisahan aras berfikir tertentu. Ianya perlu berjalan secara tersusun mengikut kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz itu sendiri yang melibatkan pelbagai tahap pemikiran yang bukan sahaja diklasifikasikan dalam KBAR malah mencapai tahap KBAT yang tertinggi.

Kesimpulan

Hafazan al-Quran dalam Pendidikan Islam merupakan salah satu bidang yang mencapai tahap pemikiran KBAR dan KBAT secara beriringan bukan berperingkat seperti yang disenaraikan

oleh Bloom. Aras berfikir 'mengingat' yang berada pada aras paling rendah di dalam Bloom adalah aras tertinggi dalam hafazan al-Quran. Di sini dapat dilihat terdapatnya percanggahan dalam penetapan aras berfikir dari yang sedia ada. Penentuan aras berfikir oleh Bloom tidak kesemuanya bertepatan dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai dalam mata pelajaran Pendidikan Islam terutamanya dalam bidang hafazan al-Quran. Penelitian dan penilaian semula tentang aras berfikir ini adalah diperlukan, bukan sahaja untuk menentukan apakah aras yang tepat dan bersesuaian untuk hafazan al-Quran ini dan tentang keperluan untuk mewujudkan taksonomi khusus untuknya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- Abdullah, W. A. A. W., Zhaffar, N. M., Nor, N., Musa, N. A., & Othman, M. S. (2020). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT): The Concept of Higher-Order Thinking Skills (HOTS) in Tahfiz Integrated Curriculum (KBT). *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(2): 11-21.
- Ahmad, M. Y. (2000). *History and Methods of Quran Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (2004). *Ihya' ulum al-din*. Jilid 1-5. Qaherah: Dar al-Afaq al-'Arabiyya.
- Al-Na'miy, Abdullah al-Amin. (1994). (Mohd Ramzi Omar penterjemah). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Zendani, A. M. (2008). *Book of Tawheed: The Oneness of Allah*. London: Al-Firdous Ltd.
- Anderson, L.W, & Krathwohl, D.R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014a). Elemen KBAT dalam pedagogi. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014b). Elemen KBAT dalam pentaksiran. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014c). Elemen KBAT dalam sumber. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pendidikan Islam Tingkatan 1-5. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2021). Manual Pembudayaan KBAT di Sekolah. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bell, E., & Bryman, A. (2007). The ethics of management research: an exploratory content analysis. *British journal of management*, 18(1): 63-77.
- Bloom, B. S. (Benjamin S., Krathwohl, D. R., & Masia, B. B. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals*. D. McKay.
- Bryman, A. (2008). Of methods and methodology. *Qualitative Research in Organizations and Management: An International Journal*, 3(2): 159-168.

- Dixon, C. S., Wright, V. H., Co-chair, C., Wilson, E. K., Co-chair, C., Rice, M., Matherson, L. (2015). *A case study of one middle school labeled failing: Perceptions of the impact of strategic teaching and technology integration*. The University of Alabama.
- Gueguen, M. (2016). *A Measure of Middle School Students' Ability to Think Critically When Exposed to Historical Thinking Pedagogy*. Chicago: Loyola University Chicago.
- Hardaker, G., & Aishah, Ahmad Sabki. (2012a). Educational innovation: teaching and learning innovation for Islamic Education. Kertas kerja *Discourse on Educational Thought*. Putrajaya.
- Hardaker, G., & Aishah, Ahmad Sabki. (2012b). The Madrasah Concept of Islamic pedagogy. *Educational Review*, 65(3): 342-356.
- Hardaker, G., & Aishah, Ahmad Sabki. (2014). Islamic Pedagogy and embodiment: an anthropological study of British Madrasah. *International Journal of Qualitative Studies in Education*: -4.
- Ibnu Khaldun. (2000). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak, I., Rahman, S. A., Ibrahim, F. W., Khair, N. M., Warif, N. M. A., Harun, D., ... & Ismail, S. (2021). The Impact of Quran Memorization on Psychological and Health Well-Being. *Review of International Geographical Education Online*, 11(8): 337-344
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran & pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2012). *Islamic Studies Teaching and Learning*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kasim, A. Y. (2011). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2014). Panduan penjaminan kualiti PT3. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noh, M. A. (2011). The practice of teaching recitation of Quran: a review on the perception of teachers at daily secondary schools in Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1): 57-72.
- Moidunny, K. (2012). Taksonomi Bloom: Perubahan yang diperlukan. Genting Highland: Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad, A. S., & Sibromalisi, F. A. (2015). Efektivitas Amsal Al-Qur'an Dalam Menyampaikan Pesan.
- Mustafa, N. M., & Basri, M. (2014). Perbandingan kaedah hafazan al-Quran tradisional dan moden: Satu kajian awal. *Proceeding of The Social Sciences Research ICSSR 2014*: 827-834.
- Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz Al-Quran. (2019). Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Masrom, N. W., Hashim, M., Hashim, N., & Behak, F. P. (2018). Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(1): 18-26.
- Mike, G. &. (2013). Classroom Practice - Still Blooming After Almost 60 Years: News.

- Saâban, S., Ghani, M. F. A., & Darusalam, G. (2017). Pendedahan Program i-Think di Peringkat Sekolah Mengikut Pendekatan Sekolah Secara Menyeluruh: Satu Kajian Awal. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2): 1-20.
- Şālih, M. A. (1980). *al-‘Arab wa-‘l-islām min al-ba‘ta an-nabawīya ḥattā nihāyat al-ḥilāfa al-umawīya*. Maktabat Nahḍat aš-Šarq.
- Samak, M. S. (1980). *Islamic Education Knowledge*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa and Pustaka.
- Sapuan, A. H., Mustofa, N. S., Che Azemin, M. Z., Abdul Majid, Z. A., & Jamaludin, I. (2016). Grey matter volume differences of textual memorization: A Voxel based morphometry study. In *International Conference for Innovation in Biomedical Engineering and Life Sciences: ICIBEL2015, 6-8 December 2015, Putrajaya, Malaysia 1*. Singapore: Springer. 36-43.
- Seddon, G. M. (1978). The Properties of Bloom’s Taxonomy of Educational Objectives for the Cognitive Domain. *Review of Educational Research*, 48(2): 303–323.
- Sperber, M., Hersh, R., Merrow, J., & Wolfe, T. (2005). How undergraduate education became college lite-and a personal apology. Declining by degrees: Higher education at risk: 131-143.
- Sumara, D., Luce-Kapler, R., & Iftody, T. (2008). Educating consciousness through literary experiences. *Educational Philosophy and Theory*, 40(1): 228-241.
- Tamuri, A. H., Yusopp, A., Osman, K., Awaluddin, S., Rahim, Z. A., & Razak, K. A. (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri murid. *Final Report of Research Project, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Tamuri, A. H. (2012). Improving the Excellence of Islamic Education Teachers. Working Paper on Hadari Discourse Series 6/2012. 19 November.
- Ujang, Z. R. & Hussin, Z. (2017). Konsep Taakulan Akhlakiah Bagi Kurikulum Pendidikan Islam: ke Arah Kemenjadian Insan. Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2017), 12 Oktober 2017 Dewan Senat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Zakaria, A. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhaffar, N. M., Hamzah, M. I., Razak, K. A., & Abdullah, W. A. A. W. (2016). Ke arah guru Pendidikan Islam sebagai pemikir kritis. *Sains Humanika*, 8(3): 9-15.